

Abdullah Joffri
Blk 420, #07-1113
Ang Mo Kio Ave.10
Singapore 560420
Tel: 64565196 / 93202146

15th Jun 2013

Dr. Yaacob Ibrahim
Kementerian Komunikasi dan Maklumat
140 Hill Street
4th, 5th & 6th Storey
Old Hill Street Police Station
Singapore 179369

Asalamualaikum wr. wb.

Kepada Menteri Dr. Yaacob yang dihormati,

Perkara: Aduan mengenai layanan buruk MHF, Mamanda ke atas anak saudara saya Nor Hidayah

Saya ialah salah seorang daripada pemegang amanah estet Haji Yusoff bin Haji Mohamed Noor, pemilik Gedung Kuning (No. 73 Sultan Gate, Singapore 198497) sebelum ia diambil alih oleh pemerintah pada tahun 1999. Saya telah dilantik melalui Perintah Mahkamah pada 30 April 2002 (Originating Summons No: 60 of 2002/F).

Saya telah beberapa kali mengarahkan anak saudara saya Nor Hidayah binte Mohd Amin (Hidayah Amin) atau Cik Idah untuk berhubung dengan Yayasan Warisan Melayu (MHF) mengenai isu-isu berkaitan Gedung Kuning. Beliau sentiasa melaporkan kepada saya tentang apa yang telah berlaku. Saya tahu tentang isu yang berkaitan dengan pokok mangganya, artifak milik keluarga kami yang disimpan di museum Taman Warisan Melayu (MHC) dan di restoran Mamanda, dan juga kejadian baru-baru ini di mana pemilik restoran Mamanda telah mencemarkan nama baik Hidayah.

Saya telah membaca semua emel antara Hidayah, MHF dan Mamanda. Saya amat kesal kerana cicit Haji Yusoff telah dilayan dengan begitu kasar dan secara tidak adil. Selain dari menjadi waris estet Haji Yusoff, Hidayah merupakan pengamanah estet Othman bin Haji Yusoff (anak lelaki Haji Yusoff). Dari atas amanah itu beliau berhak menanyakan perihal mengenai Gedung Kuning.

Antara layanan buruk yang diberikan kepada Hidayah ialah:

1. MHF (berserta Puan Julina Khusaini sebagai Pengurus Besar) dan pemilik restoran Mamanda tidak melayan pertanyaan-pertanyaan Hidayah melalui emel. Contohnya ialah mengenai pokok mangga dan barang-barang keluarga kami yang kami pinjamkan kepada Lembaga Warisan Kebangsaan (NHB). Hanya setelah beliau menulis ke pihak atasan atau ke suratkhbar, barulah pertanyaan beliau dijawab.
2. Pihak Mamanda telah bersikap kasar dan tidak sopan terhadap Hidayah. Pihak Mamanda telah memutar-belit fakta dan menuduh yang bukan-bukan mengenai diri beliau. Mereka mengatakan bahawa "We have stopped all communication with Hidayah". Saya percaya Dr Yaacob telah pun membaca emel-emel tersebut.

3. Sebelum ini, Hidayah telah menanyakan pihak MHF dan MHC mengenai barang-barang keluarga kami, tetapi Puan Julina menyuruh Hidayah berhubung dengan sepupu saya Zulkeflee yang mungkin tidak tahu akan perkembangan yang terbaru. Saya harap pihak MHF tidak akan menjadi seperti pengurusan sebelumnya yang hanya meletakkan tag penghargaan (acknowledgement tags) pada pertengahan tahun 2006, 3 tahun selepas Hidayah meminta mereka berbuat demikian pada 27 Februari 2003. Jika Encik Alvin Ng dari pihak NHB boleh memberikan jawapan kepada Hidayah, mengapakan Puan Julina tidak mahu bekerjasama dengan Hidayah?

Di sini, saya mahu Puan Julina memberitahu saya apakah barang-barang kami yang telah pecah dan apakah yang disimpan oleh MHF dan Mamanda seperti mana Encik Alvin telah menulisnya:

No	Items	Status	Remarks
1	Spools of Haj belt materials	On display in Kehidupan (Air Gallery)	Remaining 3 in storage
2	Ambin	On display in Kehidupan (Tanah Gallery)	
3	Sideboard	On display in Kehidupan (Tanah Gallery)	

**For the above items on display, we have credited the family according to the credit line as agreed upon in the abovementioned MHC loan agreement signed on 22 June 2012.
For your reference, the credit line was "From the family of Haji Yusoff bin Md. Noor."*

Akhir sekali, saya amat kecewa dengan layanan yang MHF dan Mamanda berikan kepada Hidayah. Di sini saya harap Dr Yaacob sebagai Menteri bertanggungjawab mengenai hal-ehwal Melayu-Islam Singapura dapat menasihati MHF dan Mamanda supaya mereka akan lebih prihatin bila berurusan dengan keluarga kami. Hanya nasihat dan kata-kata Dr Yaacob yang akan mereka dengar, malahan Lembaga Pengarah MHF juga diam membantu walaupun mereka tahu akan apa yang telah terjadi.

Saya harap surat saya akan ditimbang dengan serius dan tindakan yang wajar akan diambil.

Terima kasih.

Yang benar,



Abdullah Joffri
Trustee estet Haji Yusoff bin Haji Mohamed Noor

Cc. Puan Zuraidah Abdullah, Pengerusi MHF
Puan Rosa Daniel, Ketua Pegawai Eksekutif, NHB